

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

13. Saya pernah cadangkan dalam Dewan Undangan Negeri untuk Kerajaan Negeri memberi sejumlah peruntukan khusus kepada MBSP setiap tahun, untuk pembangunan Seni dan Budaya di Seberang Perai.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan sedemikian?
- (b) Berapakah jumlah peruntukan yang diberi kepada MBSP untuk pembangunan Seni dan Budaya sepanjang tahun 2018, 2019?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan MBSP dalam pembangunan seni dan budaya di Seberang Perai seperti ditunjukkan melalui program-program yang dilaksanakan seperti Butterworth Fringe Festival, Penang Arts Week dan sebagainya. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek yang berimpak tinggi dan memakan perbelanjaan yang tinggi seperti projek *Butterworth Creative Centre*.
- (b) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,254,903.30 bagi pembangunan seni dan budaya sepanjang tahun 2018 dan 2019 di Seberang Perai khususnya untuk program seperti Pesta Seni dan Kebudayaan, Pesta Tanglung, Pertandingan Tarian Singa, Program Bersiri Penang Celebrates, Penang Arts Week dan sebagainya.